



CelcomDigi Business bantu PKS pacu transformasi digital

Nurshafika Suhaimi - Mei 30, 2023 @ 10:45am

MENURUT Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER), pelaksanaan 5G akan memberikan impak yang ketara kepada ekonomi negara dan berpotensi mewujudkan lebih 39,000 pekerjaan baharu.

Rangkaian 5G juga dikatakan seratus kali lebih pantas daripada 4G yang mampu mencipta banyak potensi kepada pemilik perniagaan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) korporat serta segmen sektor awam.

Ini seiring dengan usaha kerajaan dalam memacu transformasi dan inklusiviti digital merentas ekonomi digital yang seterusnya mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi tempatan dan nasional.

Menyedari kepentingan perniagaan ekonomi digital hari ini, CelcomDigi Business menawarkan pelbagai penyelesaian bertaraf dunia yang membantu PMKS pacu transformasi digital bersama 5G.

Menghadapi cabaran perniagaan bukanlah mudah, namun hari ini CelcomDigi Business membantu memberikan yang terbaik dari rangkaian, produk dan perkhidmatan, pengalaman pelanggan, inovasi, dan pakar industri kedua-dua organisasi untuk memenuhi keperluan pelbagai perniagaan tidak kira sama ada kecil atau pun besar.

Antara produk ditawarkan oleh CelcomDigi Business ialah pakej Pascabayar 5G Tanpa Had + sambungan Fiber yang mampu membantu peniaga kekal berhubung dengan pelanggan.

Sebagai seorang peniaga tempatan yang ingin menjual produk atau perkhidmatan, rangkaian 5G penting dalam mengukuhkan pertumbuhan ekonomi digital dengan lebih pantas sekali gus dapat menarik pelanggan baharu dengan mudah pada masa hadapan.

Tambahan lagi, pasaran digital di media sosial kini pesat berkembang yang membuka peluang baharu lebih besar kepada PKS untuk melepaskan diri daripada keterbatasan pasaran kecil dan mendapatkan bahagian pasaran yang lebih besar.

Menariknya, ahli perniagaan turut berpeluang menikmati diskaun sebanyak 66 peratus untuk pek-pek sambungan apabila mereka daftar dengan rangkaian No.1 di Malaysia.

Dari segi produktiviti, sudah pasti 5G mampu memudahkan dalam pengurusan operasi perniagaan seperti pemasaran, perakaunan, penjualan dan pembayaran gaji serta pengurusan inventori.

Ini sekaligus dapat memberikan rangsangan besar kepada PKS seterusnya membantu mengembangkan operasi perniagaan lebih pantas berbanding pesaing lain.

Secara tidak langsung, ia akan merapatkan jurang produktiviti antara PKS dan syarikat besar menerusi peningkatan kapasiti dan kemampuan untuk berdaya saing dan berinovasi dengan lebih baik.

Digitalisasi perniagaan anda bersama CelcomDigi Business

Selain itu, CelcomDigi Business juga menyediakan penyelesaian mudah alih, talian tetap, Internet Semua Benda (IoT), awan, keselamatan siber dengan sambungan berkelajuan tinggi untuk membantu dalam perniagaan anda.

Penyelesaian bertaraf dunia ditawarkan boleh membantu mempercepatkan penggunaan digital di kalangan perniagaan tempatan agar perniagaan lebih efisyen dan lancar memenuhi keperluan perniagaan hari ini dan pada masa hadapan.

Untuk tawaran mudah alih dan tetap, ahli perniagaan dapat menikmati sambungan dengan nilai terbaik, boleh dipercayai dan berprestasi tinggi, yang akan memudahkan perniagaan beroperasi di mana-mana sahaja.

Bagi perniagaan yang ingin mempercepatkan inisiatif pendigitalan pula, mereka boleh meneroka penyelesaian IoT CelcomDigi Business yang menjadikan mesin sebuah aset lebih pintar.

Manakala, penyelesaian awan dan keselamatan siber pula mampu mengubah dan menambah baik urus tadbir perniagaan serta melindungi data dan harta intelek.

CelcomDigi Business memiliki gabungan kepakaran yang memahami keperluan perniagaan dengan lebih baik, seterusnya memberikan jalan penyelesaian untuk mengoptimalkan produktiviti.

Penyelesaian ditawarkan ini bukan sahaja mampu membina perniagaan menjadi lebih mudah, bahkan dapat mencapai lebih ramai pelanggan melalui rangkaian terluas dan terpantas di Malaysia.

Dengan penyelesaian digital daripada CelcomDigi Busines, ahli perniagaan boleh menarik nafas lega kerana dapat menikmati perkhidmatan yang menyeluruh tidak kira apa saiz perniagaan anda.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman sesawang CelcomDigi Business sekarang.